



Ruj. Kami: ANM.NS.600/2/6/6(24)
Tarikh : 29hb Julai 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN LAPORAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN
KEDUA (2) BAGI TAHUN KEWANGAN 2022.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022 (SPANM)** berkaitan **Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan [JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4(4)]** adalah berkaitan.

2. Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan laporan perakaunan Aset Bukan Kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian.
3. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk mengemukakan Laporan Perbezaan Baki Aset Alih dan Aset Tak Alih secara **softcopy (Excel)** dan **PDF** melalui emel ke **teamupans@gmail.com**. Sila ambil maklum tarikh penyerahan kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri Sembilan.

TINDAKAN	LAPORAN YANG PERLU DIHANTAR	TARIKH SERAHAN SECARA SOFTCOPY
PTJ - Jana Laporan Baki Aset (LBA) sehingga 30 Jun 2022 PTJ Dipertanggung - Jana Laporan Data Induk (LDI) 01.01.2018 sehingga 30 Jun 2022 PTJ Dipertanggung - Jana Laporan SPPA	1. Laporan Perbezaan Baki Aset Alih, Aset Biologi & Aset Tak Ketara B3-A-A1, B3-A-A2 (i) dan B3-A-A2(ii) 2. Laporan Perbezaan Baki Aset Tak Alih untuk Objek Sebagai B3-B-A1, B3-B-A2 (i) dan B3-B-A2(ii)	05 Ogos 2022 (Jumaat) selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang


ANM.NS.600/2/6/6 (24)

4. Bersama-sama ini disertakan Format Laporan Perbezaan Baki Aset untuk tindakan dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan.
5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.a. (M))
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

NSB SHARE 4 /UPA/17/surat laporan perbezaan aset sukuan